



7. Puan Aminah Binti Mohd Nasir  
Wakil Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi
8. Encik Mohd Zamani Bin Harun  
Wakil Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan
9. Puan Wong Foong Lai  
Wakil Setiausaha Bahagian Kewangan
10. Encik Mohd Hussain Bin Che Mamat  
Wakil Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

## **URUS SETIA**

### **BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**

1. Encik Hamizun Bin Hamzah  
Ketua Penolong Setiausaha (PP) - Setiausaha
2. Encik Sivanantham A/L Perianan  
Penolong Setiausaha Kanan (PP) 2
3. Encik Md Aziman Bin Aziz  
Penolong Setiausaha (PP) 3
4. Cik Intan Shahida Binti Sukiman  
Pegawai Penyelidik Sosial

## **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. Y. Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohd Ismail Merican      Timb. Pengerusi  
Ketua Pengarah Kesihatan
  
2. Puan Hasnah Binti Haji Salleh  
Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi
  
3. Puan Nor'aini Binti Abdul Wahab  
Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan
  
4. Encik Ng Swee Ting  
Setiausaha Bahagian Kewangan
  
5. Puan Noor Majidah Binti Wallad  
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

## **KEHADIRAN**

### **PIHAK PEKERJA**

1. Encik Mohd Sabri Bin Abdullah  
Pegawai Perhubungan Awam  
Unit Perhubungan Awam Pengerusi
2. Dr. Shamsaini Binti Shamsuddin  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari Naib Pengerusi
3. Cik Normaya Binti Nordin  
Penolong Setiausaha Kanan  
Bahagian Sumber Manusia Setiausaha Bersama
4. Encik Idham Halimie Bin Idris  
Penolong Setiausaha  
Bahagian Kewangan Naib. Setiausaha
5. Encik Noor Hisham Bin Ismail  
Penasihat Undang-Undang  
Pejabat Penasihat Undang-Undang AJK
6. Encik Johari Bin Bakar  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pembangunan Kompetensi
7. YM Tunku Nur Adnin Binti Tunku Kudin  
Pembantu Tadbir (Kewangan)  
Bahagian Kewangan
8. Puan Siti Zuraidah Binti Sheikh Abdullah  
Penolong Pegawai Stor  
Bahagian Perolehan dan Penswastaaan

9. Puan Asmah Binti Ismail  
Pembantu Tadbir Kanan  
Bahagian Perolehan dan Penswastaaan
  
10. Puan Aini Hamimi Binti Mohamed Hanapiah  
Pegawai Teknologi Maklumat  
Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi
  
11. Encik Mohd Hasri Bin Hassan  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi
  
12. Encik Suhaimi Bin Mohamad  
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)  
Bahagian Sumber Manusia
  
13. Encik Mohd Yasser Bin Mohd Hadzir  
Penolong Setiausaha  
Bahagian Dasar Korporat dan Hubungan Antarabangsa
  
14. Encik Muhd Fahmi Bin Abd Talib  
Pegawai Psikologi  
Bahagian Khidmat Pengurusan
  
15. Encik Shahrudin Bin Ahmad  
Pemandu Kenderaan  
Bahagian Khidmat Pengurusan
  
16. Encik Mohd Azri Bin Abdullah  
Pembantu Am Pejabat  
Bahagian Khidmat Pengurusan
  
17. Encik Hamizul Fadzly Bin Abdul Hashim  
Pegawai Akauntan  
Bahagian Akaun

18. Puan Rohaya Binti Malek  
Pembantu Tadbir Kewangan  
Bahagian Akaun
  
19. Cik Sameerah Binti Shaikh Abdul Rahman  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
  
20. Encik Mohamad Bin Awang  
Pembantu Farmasi  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
  
21. Puan Nor Azliana Binti Mohamad Nor  
Pegawai Zat Makanan  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
  
22. Puan Norizan Mashttah Binti Mardan  
Jururawat  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
  
23. Encik Mohd Lazim Bin Kadir  
Pembantu Perubatan  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
  
24. Dr. Natifah Binti Che Salleh  
Pegawai Pergigian  
Bahagian Kesihatan Pergigian
  
25. Encik Abdul Rahman Bin Jaafar  
Juruteknologi Pergigian  
Bahagian Kesihatan Pergigian
  
26. Puan Dahlia Binti Baharuddin  
Pegawai Sains  
Bahagian Kawalan Penyakit

27. Encik Mohamad Suhaimi Bin Adam  
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran  
Bahagian Kawalan Penyakit
  
28. Tuan Haji Mohd Salihan Bin Dakun  
Pembantu Kesihatan Awam  
Bahagian Kawalan Penyakit
  
29. Puan Nor Asmah Binti Zainol  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan  
Bahagian Perkembangan Perubatan
  
30. Cik Vimalathevi a/p Perumal  
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)  
Bahagian Perkembangan Perubatan
  
31. Puan Laila Rabaah Binti Ahmad Suhaimi  
Pegawai Teknologi Makanan  
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
  
32. Puan Meriam Binti Ali  
Penolong Pegawai Tadbir  
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
  
33. Cik Norjanah Binti Abdul Karim  
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)  
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
  
34. Puan Norbaya Binti Baharom  
Penolong Pegawai Tadbir  
Bahagian Kejururawatan

## **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. Encik Ismail Bin A. Shukor  
Pegawai Optometri  
Bahagian Amalan Perubatan AJK
  
2. Encik Abdul Halim Bin Salleh  
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Pengajar)  
Bahagian Pengurusan Latihan AJK
  
3. Tuan Haji Abdul Ghani Bin Yusof  
Pembantu Farmasi  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi AJK
  
4. Cik Ruzaimah Binti Zabri  
Penolong Pegawai Tadbir  
Bahagian Pengurusan Latihan
  
5. Puan Rasidah Binti Sudin  
Pegawai Khidmat Pelanggan  
Bahagian Khidmat Pengurusan
  
6. Puan Maisarah Binti Ahmad  
Pembantu Tadbir Kanan  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
  
7. Matron Seti Samiah Binti Abdul Rahman  
Ketua Penyelia Jururawat Pergigian  
Bahagian Kesihatan Pergigian
  
8. Dr. Nor' Aishah Binti Abu Bakar  
Pegawai Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan
  
9. Dr. Najwa Binti Misjan  
Pegawai Perubatan  
Bahagian Perancangan dan Pembangunan

10. Cik Maisyrah Binti Samsudin  
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)  
Bahagian Perancangan dan Pembangunan
  
11. Tuan Haji Muhamad Hakim Bin Hasim  
Pembantu Perubatan  
Bahagian Amalan Perubatan
  
12. Tuan Haji Muhamad Najemudin Bin Md Daud  
Penolong Pegawai Perubatan  
Bahagian Telekesihatan
  
13. Puan Norziah Binti Mahamud  
Pembantu Tadbir Kanan  
Bahagian Telekesihatan
  
14. Puan Aminah Binti Tanggu  
Penolong Pegawai Tadbir  
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
  
15. Cik Norhayati Binti Kassim  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Pendidikan Kesihatan
  
16. Encik Mohd Noor Bihisham Bin Johari  
Penyelenggara Stor  
Bahagian Pendidikan Kesihatan
  
17. Puan Noraza binti Mohd Ariff  
Juruaudit  
Cawangan Audit Dalam
  
18. Encik Ayub Karim Bin Kasim  
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)  
Cawangan Audit Dalam

19. Puan Noriah Binti Mat Sharif  
Penolong Ketua Penyelia Jururawat  
Bahagian Kejururawatan
  
20. Puan Noraini Binti Abu Hassan  
Ketua Jururawat  
Bahagian Kejururawatan

## **1.0 UCAPAN ALU-ALUAN Y. BHG. DATO' SRI Pengerusi**

**1.1** Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan yang hadir dan seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:

**1.1.1** Mesyuarat ini adalah yang kedua diadakan bagi tahun 2008 sepertimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 tahun 2002.

**1.1.2** Merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Encik Mohamad Zabidi Bin Zainal mantan TKSU (K) Ahli Pihak Pegawai yang bertukar keluar sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berkuatkuasa pada 27 Mac 2008 di atas sumbangannya kepada Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan, IPKKM.

**1.1.3** Mengalu-alukan kehadiran Y. Bhg. Datuk Kamarul Zaman Bin Md Isa TKSU (K) sebagai ahli baru Wakil Pihak Pegawai dalam Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan, IPKKM berkuatkuasa pada 27 Mac 2008.

**1.1.4** Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan pindaan perlembagaan MBJ IPKKM dengan pindaan ke atas perenggan 11 seperti berikut:

i. "Agenda bagi mesyuarat Majlis perlu dihantar kepada ahli tidak kurang dari tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat".

**1.1.5** Amanat Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa perhimpunan bulanan pada April 2008 supaya semua anggota KKM dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan.

**1.1.6** Perbendaharaan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 mengenai "Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat" bagi memantapkan dan mengawal perbelanjaan Kerajaan akibat kesan daripada kenaikan harga minyak dan makanan.

## **2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 1/2008**

- 2.1** Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 1/2008 disahkan tanpa sebarang pindaan.

## **3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

### **3.1 Ketidakselesaan Ruang Pejabat**

- 3.1.1** Mesyuarat mengambil maklum kajian keperluan ruang pejabat tambahan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia telah siap dan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pagi.

#### **Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan**

- 3.1.2** Mesyuarat dimaklumkan oleh Wakil Pihak Pekerja bahawa pihaknya telah memaklumkan isu kekurangan ruang pejabat yang dialami oleh KKM kepada semua anggota.

#### **Makluman**

### **3.2 Meningkatkan Imej Pegawai Khidmat Pelanggan KKM**

- 3.2.1** Mesyuarat mengambil maklum Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP) perlu bekerjasama menjaga imej diri dan imej Kementerian agar pelanggan-pelanggan akan berasa selesa untuk datang berurusan di Kementerian ini. Anggota PKP juga turut dihantar bagi menghadiri latihan/ kursus bagi meningkatkan tahap profesionalisme dalam kerja mereka.

- 3.2.2** Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi seterusnya meminta semua anggota untuk bersama-sama menjaga imej Kementerian. Ini kerana pembinaan imej Kementerian mengambil masa

yang panjang tetapi untuk meruntuhkannya hanya melibatkan satu perkara kecil sahaja.

## **Tindakan : Semua Bahagian**

### **3.3 Kehadiran Ahli-Ahli Pihak Pekerja MBJ**

**3.3.1** Mesyuarat mengambil maklum Wakil Pihak Pekerja telah memberi peringatan kepada semua ahli supaya hadir dalam setiap mesyuarat yang diadakan. Ini bagi memastikan objektif dan matlamat penubuhan MBJ dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

## **Makluman**

### **3.4 Kelewatan Penerimaan Pakaian Seragam**

**3.4.1** Mesyuarat mengambil maklum masih terdapat anggota KKM yang tidak menuntut pakaian seragam di BKP dan ini menyebabkan pakaian seragam tersebut tersimpan dalam tempoh yang lama di stor BKP. Sehubungan itu, tiada aduan diterima mengenai masalah kualiti kain pakaian seragam yang dibekalkan dan pemilihan kain pakaian seragam ini dilakukan oleh Jawatankuasa Spesifikasi.

**3.4.2** Mesyuarat Wakil Pihak Pekerja memaklumkan kepada semua ahli-ahli yang berkenaan supaya menuntut pakaian terbabit dengan segera. Anggota KKM diberi tempoh yang sesuai untuk mengambil pakaian seragam dan jika tempoh pengambilan tidak dipatuhi, satu peraturan baru dibuat mengenai perkara ini.

- 3.4.3** Mesyuarat mencadangkan dan bersetuju BKP hendaklah menyemak semula sistem pengagihan dalam pembekalan pakaian seragam kepada semua anggota KKM.

**Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan  
& Wakil Pihak Pekerja**

**3.5 Wakil Pihak Pekerja Yang Pasif**

- 3.5.1** Mesyuarat mengambil maklum AJK Wakil Pihak Pekerja hendaklah mengambil inisiatif dan tindakan sewajarnya ke atas ahli MBJ Pihak Pekerja yang pasif dan tidak hadir dalam mesyuarat MBJ.

**Tindakan : Wakil Pihak Pekerja**

**3.6 Keperluan Kiosk Internet di Lobi-Lobi KKM**

- 3.6.1** Mesyuarat mengambil maklum Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) telah menyediakan port untuk kegunaan internet di lobi-lobi utama pada 18 April 2008. Namun, penggunaan internet tersebut adalah terhad dimana pengguna-pengguna yang ingin melayari internet perlu mendapatkan ID dan kata laluan daripada Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP) di kaunter sebelum dapat mengakses internet tersebut.

**Makluman**

- 3.6.2** Mesyuarat dimaklumkan BTMK akan menyediakan 'hot spot' di KKM pada masa akan datang bagi memudahkan lagi pengguna-pengguna melayari internet di kawasan Kementerian ini.

**Tindakan : Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

### **3.7 Arahan dan Had Penggunaan Pas Pelawat**

**3.7.1** Mesyuarat mengambil maklum Pegawai Khidmat Pelanggan yang mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris telah ditempatkan di kaunter-kaunter utama Kementerian supaya dapat memberi arahan yang jelas berkenaan pas pelawat kepada pelawat yang tidak memahami Bahasa Melayu.

**Makluman**

### **3.8 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan**

**3.8.1** Mesyuarat mengambil maklum urus setia MBJ telah mengemukakan Minit Mesyuarat MBJ kepada Ketua Bahagian/ Ketua Jabatan yang berkaitan untuk tindakan.

**Makluman**

### **3.9 Pindaan Perlembagaan MBJ**

**3.9.1** Mesyuarat mengambil maklum pindaan perlembagaan MBJ KKM telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat bertarikh 11 April 2008.

**Makluman**

### **3.10 Fail Pihak Pekerja MBJ**

**3.10.1** Mesyuarat mengambil maklum satu fail kepada Wakil Pihak Pekerja MBJ telah disediakan.

**Makluman**

## **4.0 ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH PIHAK PEKERJA**

### **4.1 Bau Masakan Bersebelahan Kafeteria di Aras 2 & 3 Blok E7**

- 4.1.1** Mesyuarat mengambil maklum akan penjelasan rekabentuk ruang bangunan tersebut bukan untuk kegunaan kafeteria. Berdasarkan pada kontrak, pihak kafeteria hanya boleh membawa makanan yang telah dimasak dan makanan panas boleh disediakan melalui penggunaan ketuhar mikro dan alat pemanas makanan.
- 4.1.2** Mesyuarat mencadangkan dan bersetuju Bahagian Khidmat Pengurusan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak kafeteria dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengenai isu tersebut.

**Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan**

### **4.2 Bilik Kaunseling**

- 4.2.1** Mesyuarat dimaklumkan bilik Audio Visual di perpustakaan dicadangkan sebagai bilik kaunseling untuk memudahkan anggota-anggota Kementerian mendapatkan khidmat kaunseling. Pemilihan bilik ini bertujuan untuk mengelakkan pandangan negatif daripada anggota KKM terhadap anggota lain yang ingin mendapatkan khidmat kaunselor.
- 4.2.2** Mesyuarat bersetuju BKP mempertimbangkan supaya bilik Audio Visual dijadikan sebagai bilik kaunseling, IPKKM.

**Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan**

### **4.3 Juruteknik FT17 Wanita Memohon Pelepasan Memakai Seluar Waktu Bekerja**

**4.3.1** Mesyuarat dimaklumkan Kementerian Pelajaran ada membenarkan anggota wanita yang melakukan kerja tersebut untuk memakai seluar sewaktu bertugas.

**4.3.2** Mesyuarat mencadangkan dan bersetuju Bahagian Sumber Manusia meneliti perkara ini sebelum sebarang keputusan dibuat oleh pihak pengurusan KKM.

#### **Tindakan : Bahagian Sumber Manusia**

### **4.4 Kemudahan Padang dan Gelanggang Badminton untuk Anggota KKM Di Blok E7**

**4.4.1** Mesyuarat dimaklumkan perkara ini memerlukan kebenaran Putrajaya Holdings (PJH) sebagai pemilik bangunan Kementerian Kesihatan Malaysia.

**4.4.2** Mesyuarat juga dimaklumkan Ibu Pejabat KKM sering mengadakan aktiviti sukan dari semasa ke semasa melalui "Kelab Sukan dan Kebajikan KKM". Sehubungan itu, kepada anggota yang berminat bolehlah berhubung dengan kelab bagi tujuan tersebut.

**4.4.3** Mesyuarat bersetuju cadangan pembinaan padang tidak dapat dilaksanakan pada masa ini dan Wakil Pihak Pekerja disaran mendapatkan maklumat anggota KKM yang berminat dalam aktiviti sukan.

#### **Tindakan : Wakil Pihak Pekerja**

**4.5 Memohon Komputer Untuk Kegunaan Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP) di Jalan Cenderasari**

4.5.1 Mesyuarat bersetuju supaya kemudahan komputer dibekalkan kepada Pegawai Khidmat Pelanggan di Jalan Cenderasari.

**Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan**

**4.6 Memohon Kaedah Baru Bagi Membolehkan Pegawai Khidmat Pelanggan Mengakses Talian Telefon Secara Terus**

4.6.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa PKP tidak layak untuk mendapat talian terus dalam membantu urusan pegawai di Bahagian Pendidikan Kesihatan (HECC).

**Makluman**

**4.7 Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) di Bahagian Kesihatan Pergigian**

4.7.1 Mesyuarat dimaklumkan semua maklumat mengenai aktiviti/ program/ Jadual Peperiksaan diedarkan kepada semua Bahagian. Pada masa yang sama notis-notis dan maklumat mengenai aktiviti/ program/ Jadual Peperiksaan ditampal di papan-papan kenyataan setiap aras dan semua blok KKM.

4.7.2 Mesyuarat mencadangkan dan bersetuju Ketua Jabatan mengedarkan maklumat mengenai aktiviti/ program/ Jadual Peperiksaan kepada semua anggota sekiranya maklumat tersebut bersesuaian. Sehubungan itu juga, Wakil Pihak Pekerja hendaklah memaklumkan kepada semua anggota supaya sentiasa prihatin ke atas maklumat yang ditampal di papan-papan notis.

**Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan & Wakil Pihak Pekerja**

## **4.8 Pengiktirafan Kepada Kakitangan KKM Yang Berkhidmat Lama**

**4.8.1** Mesyuarat dimaklumkan bahawa pengiktirafan yang diberi kepada kakitangan adalah berdasarkan pekeliling yang ditetapkan seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Malam Jasamu Dikenang dan Malam Mesra Kenangan. Sehubungan itu, tiada pengiktirafan lain yang akan dilaksanakan buat masa ini.

### **Makluman**

## **4.9 Mesyuarat / Kursus Pada Hujung Minggu**

**4.9.1** Mesyuarat dimaklumkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 Tahun 2005 iaitu "Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu" telah menjelaskan pelaksanaannya adalah memberi peluang kepada pegawai untuk meluangkan lebih masa bersama keluarga selain menggalakkan industri pelancongan negara.

**4.9.2** Mesyuarat bersetuju bahawa mesyuarat/ kursus tidak diadakan pada hujung minggu kecuali mesyuarat/ kursus yang tidak dapat dielakkan antaranya kursus untuk Pemandu, Pembantu Khas (PA) dan Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP).

### **Tindakan : Semua Bahagian**

## **5.0 HAL – HAL LAIN**

### **5.1 Lawatan Sambil Belajar Wakil Pihak Pekerja**

**5.1.1** Mesyuarat bersetuju cadangan Wakil Pihak Pekerja MBJ untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke Petronas di Terengganu dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Putrajaya yang disertai seramai 55 ahli rombongan. Tujuan lawatan adalah untuk mempelajari perjalanan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan di agensi tersebut dan seterusnya

diharapkan hasil lawatan tersebut dapat meningkatkan lagi kualiti mutu perkhidmatan.

- 5.1.2** Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi bersetuju dengan kedua-dua cadangan tersebut dan meminta Wakil Pihak Pekerja mengemukakan kertas cadangan untuk lawatan tersebut.

**Tindakan : Wakil Pihak Pekerja**

**5.3 Kursus Pembangunan Modal Insan di Genting Permai Resort, Genting Highlands, Pahang**

- 5.3.1** Mesyuarat dimaklumkan Wakil Pihak Pekerja bercadang untuk mengadakan kursus Pembangunan Modal Insan yang bertempat di Genting Permai Resort, Genting Highlands, Pahang selama 3 hari 2 malam dengan anggaran kos berjumlah RM 24,000.

- 5.3.2** Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi meminta Wakil Pihak Pekerja mengemukakan kertas cadangan untuk dipertimbangkan.

**Tindakan : Wakil Pihak Pekerja**

**6.0 Penangguhan Mesyuarat**

- 6.1** Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang dengan ucapan terima kasih daripada Y. Bhg. Dato' Sri Pengerusi.

**Disediakan Oleh,**

.....  
**(HAMIZUN BIN HAMZAH)**

Setiausaha  
Majlis Bersama Jabatan  
Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia

**Disediakan Bersama,**

.....  
**(IDHAM HALIMIE BIN IDRIS)**

Naib Setiausaha Wakil Pihak Pekerja  
Majlis Bersama Jabatan  
Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia

Disediakan Oleh:  
Urus Setia  
Cawangan Pengurusan Personel  
Bahagian Khidmat Pengurusan